



## OBJEKTIF KUALITI

Objektif Kualiti JPSM bagi Jabatan Perhutanan Negeri adalah seperti berikut:

Mempastikan **Pengurusan Pengeluaran Kayu secara Berkekalan bagi Hutan Darat Asli di Hutan Simpanan Kekal** dilaksanakan seperti berikut

- (a) memastikan pembukaan kawasan untuk pengusahaan hutan tidak melebihi CTT yang ditetapkan;
- (b) memastikan aktiviti Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja, Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F), Penandaan Pokok, Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) dan Rawatan Silvikultur dilaksanakan sekurang-kurangnya 80% daripada matlamat fizikal tahunan yang telah ditetapkan;
- (c) memastikan proses pelaksanaan aktiviti Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F), Penandaan Pokok, Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) dan Rawatan Silvikultur mencapai tahap piawaian tidak kurang daripada 90%;
- (d) memastikan Lesen Mengeluarkan Hasil Hutan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat kelulusan dipenuhi;
- (e) memastikan Laporan Penutup Pengusahaan Hutan disediakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh lesen atau tarikh permohonan penutupan lesen daripada pemegang lesen, mengikut mana yang terdahulu;
- (f) memastikan 80% daripada latihan/kursus dalam perancangan tahunan Jabatan Perhutanan Negeri yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti JPSM dilaksanakan; dan
- (g) semua aduan pelanggan akan dijawab akuan terima dalam masa tiga (3) hari dari tarikh aduan diterima.

HAJI YAHAYA BIN MOHAMOOD  
Pengarah Perhutanan Negeri  
Johor